



**KERAJAAN MALAYSIA**

**Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia**  
*(Malaysian Public Sector Accounting Standards)*

**MPSAS 5**

**Kos Pinjaman**

**Januari 2015**

## **MPSAS 5 – Kos Pinjaman**

### **Pengiktirafan**

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standard, IPSAS*) 5, *Borrowing Costs* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

*Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements* © 2013 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000  
Faks : 03-88821765  
Web: <http://www.anm.gov.my>

**MPSAS 5 – KOS PINJAMAN**

**KANDUNGAN**

---

	Perenggan
Objektif	
Skop.....	1–4
Takrif.....	5–13
Kos Pinjaman.....	6
Entiti Ekonomi.....	7–9
Manfaat Ekonomi Masa Hadapan atau Potensi Perkhidmatan.....	10
Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE).....	11
Aset Bersih/Ekuiti.....	12
Aset Layak.....	13
Kos Pinjaman—Pengolahan Tanda Aras.....	14–16
Pengiktirafan.....	14–15
Pendedahan.....	16
Kos Pinjaman—Pengolahan Alternatif Dibenarkan.....	17–39
Pengiktirafan.....	17–20
Kos Pinjaman Layak untuk Dipermodalkan.....	21–29
Lebih Amaun Bawaan bagi Aset Layak ke atas Amaun Boleh Pulih.....	30
Permulaan Permodalan.....	31–33
Penanguhan Permodalan.....	34–35
Penamatan Permodalan.....	36–39
Pendedahan.....	40
Peruntukan Peralihan.....	41
Tarikh Kuat Kuasa.....	42–43
Perbandingan dengan IPSAS 5	

---

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 5, *Kos Pinjaman*, dinyatakan dalam objektif dan perenggan 1-43. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 5 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

## Objektif

Piawaian ini menentukan pengolahan perakaunan untuk kos pinjaman. Piawaian ini secara amnya menghendaki kos pinjaman diiktiraf sebagai belanja dengan serta-merta. Namun begitu, Piawaian ini membenarkan kos pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan, atau penghasilan aset layak dipermodalkan, sebagai pengolahan alternatif yang dibenarkan.

## Skop

1. **Piawaian ini hendaklah diguna pakai dalam perakaunan untuk kos pinjaman.**
2. **Piawaian ini terpakai untuk semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
3. *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.
4. Piawaian ini tidak membincangkan kos sebenar atau kos imput bagi aset bersih/ekuiti. Jika pihak berkuasa mengenakan caj modal kepada setiap entiti, pertimbangan perlu digunakan untuk menentukan sama ada caj itu memenuhi takrifan kos pinjaman, atau sama ada ia seharusnya diolah sebagai kos sebenar atau kos imput bagi aset bersih/ekuiti.

## Takrif

5. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

**Kos pinjaman** ialah faedah dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh entiti berhubung dengan pinjaman dana.

**Aset layak** ialah aset yang sememangnya memerlukan tempoh masa yang cukup lama untuk disediakan bagi kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah* yang diterbitkan secara berasingan.

## Kos Pinjaman

6. Kos pinjaman boleh merangkumi:
  - (a) Faedah atas overdraf bank, serta faedah pinjaman jangka pendek dan jangka panjang;
  - (b) Pelunasan diskaun atau premium yang berkaitan dengan pinjaman;
  - (c) Pelunasan kos sampingan yang ditanggung berhubung dengan aturan pinjaman;
  - (d) Caj kewangan berkenaan dengan pajakan kewangan dan aturan konsesi perkhidmatan; dan

- (e) Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada pinjaman mata wang asing, setakat mana ia dianggap sebagai pelarasan pada kos faedah.

### **Entiti Ekonomi**

7. Bagi tujuan pelaporan kewangan, istilah entiti ekonomi digunakan dalam Piawaian ini untuk mentakrifkan sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti mengawal dan entiti yang dikawal.
8. Terdapat juga istilah lain yang digunakan untuk merujuk entiti ekonomi seperti entiti pentadbiran, entiti kewangan, entiti perakaunan, entiti disatukan, dan kumpulan.
9. Entiti ekonomi boleh merangkumi entiti yang mempunyai dasar sosial dan objektif komersial. Sebagai contoh, jabatan perumahan kerajaan boleh menjadi entiti ekonomi yang merangkumi entiti yang menyediakan rumah dengan caj nominal, serta entiti yang menyediakan tempat tinggal secara komersial.

### **Manfaat Ekonomi Masa Hadapan atau Potensi Perkhidmatan**

10. Aset merupakan suatu alat yang digunakan oleh entiti untuk mencapai objektifnya. Aset yang digunakan untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan selaras dengan objektif entiti, tetapi tidak menjana aliran masuk tunai bersih secara langsung, selalunya digambarkan sebagai mempunyai potensi perkhidmatan. Aset yang digunakan untuk menjana aliran masuk tunai bersih pula sering kali digambarkan sebagai mempunyai “manfaat ekonomi masa hadapan.” Bagi merangkumi semua tujuan penggunaan aset, Piawaian ini menggunakan istilah “manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan” untuk menerangkan ciri penting aset.

### **Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE)**

11. GBE merangkumi perusahaan perdagangan, seperti utiliti, dan perusahaan kewangan, seperti institusi kewangan. GBE secara intipatinya tidak berbeza daripada entiti yang menjalankan aktiviti yang serupa di sektor swasta. Secara amnya, GBE beroperasi untuk memperoleh keuntungan, walaupun sesetengah daripadanya mungkin mempunyai obligasi khidmat masyarakat yang terhad apabila mereka dikehendaki untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada beberapa individu dan organisasi dalam masyarakat sama ada secara percuma ataupun dengan pengurangan caj yang signifikan. MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, menyediakan panduan untuk menentukan sama ada wujudnya kawalan atau tidak bagi tujuan pelaporan kewangan, dan hendaklah dirujuk bagi menentukan sama ada GBE dikawal oleh entiti sektor awam yang lain atau tidak.

### **Aset Bersih/Ekuiti**

12. Aset bersih/ekuiti ialah istilah yang digunakan dalam Piawaian ini untuk merujuk ukuran sisa dalam penyata kedudukan kewangan (aset tolak liabiliti). Aset bersih/ekuiti mungkin positif atau negatif. Istilah lain boleh digunakan untuk menggantikan istilah aset bersih/ekuiti, dengan syarat maksudnya adalah jelas.

### **Aset Layak**

13. Contoh aset layak ialah bangunan pejabat, hospital, aset infrastruktur seperti jalan, jambatan dan kemudahan penjaan kuasa, serta inventori yang memerlukan tempoh masa yang cukup lama untuk menjadikan semuanya berada dalam keadaan yang sedia untuk digunakan atau dijual. Pelaburan lain, dan aset yang secara rutin dikeluarkan dalam tempoh masa yang singkat, bukan merupakan aset layak. Aset yang sedia untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan apabila diperoleh juga bukan merupakan aset layak.

### **Kos Pinjaman – Pengolahan Tanda Aras**

#### **Pengiktirafan**

14. **Kos pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia ditanggung.**
15. Di bawah pengolahan tanda aras, kos pinjaman diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia ditanggung, tanpa mengambil kira cara pinjaman itu diguna pakai.

#### **Pendedahan**

16. **Penyata kewangan hendaklah mendedahkan dasar perakaunan yang diterima pakai untuk kos pinjaman.**

### **Kos Pinjaman – Pengolahan Alternatif Dibenarkan**

#### **Pengiktirafan**

17. **Kos pinjaman hendaklah diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ianya ditanggung, kecuali setakat mana ia dipermodalkan menurut perenggan 18.**
18. **Kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan, atau penghasilan aset layak hendaklah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut. Amaun kos pinjaman yang layak dipermodalkan hendaklah ditentukan menurut Piawaian ini.**
19. Di bawah pengolahan alternatif dibenarkan, kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan, atau penghasilan aset dimasukkan dalam kos aset tersebut. Kos pinjaman tersebut dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset apabila:
  - (a) terdapat kebarangkalian bahawa ia akan menghasilkan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan kepada entiti itu, dan
  - (b) kos itu boleh diukur dengan pasti.

Kos pinjaman yang lain diiktiraf sebagai belanja dalam tempoh ia ditanggung.

20. **Jika entiti menerima pakai pengolahan alternatif dibenarkan, pengolahan itu hendaklah diguna pakai secara konsisten untuk semua kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan, atau penghasilan semua aset layak bagi entiti itu.**

### **Kos Pinjaman Layak untuk Dipermodalkan**

21. Kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan, atau penghasilan aset layak merupakan kos pinjaman yang boleh dielakkan jika perbelanjaan bagi aset layak itu tidak dibuat. Apabila entiti meminjam dana, khususnya untuk tujuan mendapatkan aset layak tertentu, kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan aset layak itu dapat terus dikenal pasti.
22. Mungkin sukar untuk mengenal pasti hubungan langsung antara pinjaman tertentu dengan aset layak dan untuk mengenal pasti sama ada pinjaman tersebut boleh dielakkan atau tidak. Kesukaran itu berlaku, sebagai contoh, apabila aktiviti pembiayaan entiti diselaraskan secara berpusat. Kesukaran juga timbul apabila entiti ekonomi menggunakan pelbagai instrumen hutang untuk meminjam dana pada kadar faedah berbeza, dan memindahkan dana berkenaan pada asas yang pelbagai kepada entiti lain dalam entiti ekonomi tersebut. Dana yang dipinjam secara berpusat boleh dipindahkan kepada entiti lain dalam entiti ekonomi tersebut sebagai pinjaman, geran, atau suntikan modal. Pindahan tersebut mungkin tanpa faedah, atau memerlukan hanya sebahagian daripada kos faedah sebenar yang boleh diperoleh semula. Kerumitan lain timbul:
  - (a) melalui penggunaan pinjaman yang didenominasikan dalam atau berkaitan dengan mata wang asing,
  - (b) apabila entiti ekonomi tersebut beroperasi dalam ekonomi inflasi tinggi, dan
  - (c) daripada turun naik kadar pertukaran.

Akibatnya, penentuan amaun kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan aset layak adalah sukar, dan penggunaan pertimbangan diperlukan.

23. **Setakat mana dana dipinjam khusus untuk tujuan mendapatkan aset layak, amaun kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan bagi aset tersebut hendaklah ditentukan sebagai kos pinjaman sebenar yang ditanggung atas pinjaman dalam tempoh tersebut, sebarang pendapatan pelaburan atas pelaburan sementara pinjaman hendaklah ditolak daripada kos pinjaman sebenar.**
24. Aturan pembiayaan bagi aset layak mungkin menyebabkan entiti mendapat dana yang dipinjam dan menanggung kos pinjaman yang berkaitan sebelum sebahagian atau semua dana tersebut digunakan untuk perbelanjaan atas aset layak. Dalam keadaan sedemikian, dana tersebut biasanya dilaburkan kerana perbelanjaan atas aset layak masih belum dibuat. Bagi menentukan amaun kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan dalam sesuatu tempoh, sebarang pendapatan pelaburan yang diperoleh atas dana tersebut ditolak daripada kos pinjaman yang ditanggung.
25. **Setakat mana dana dipinjam secara am dan digunakan untuk tujuan mendapatkan aset layak, amaun kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan hendaklah ditentukan dengan mengguna pakai kadar permodalan kepada perbelanjaan atas aset tersebut. Kadar permodalan ialah purata wajaran kos pinjaman yang berkaitan dengan pinjaman entiti yang belum dijelaskan dalam tempoh tersebut, selain pinjaman yang dibuat khusus untuk tujuan mendapatkan aset layak. Amaun kos pinjaman yang dipermodalkan dalam**



**sesuatu tempoh tidak seharusnya melebihi amaun kos pinjaman yang ditanggung dalam tempoh itu.**

26. Hanya kos pinjaman yang dikaitkan dengan pinjaman entiti boleh dipermodalkan. Apabila entiti mengawal meminjam dana yang diberikan kepada entiti dikawal tanpa atau hanya separa peruntukan kos pinjaman, entiti dikawal itu hanya boleh mempermodalkan kos pinjaman yang ditanggungnya sendiri. Jika entiti dikawal menerima sumbangan modal tanpa faedah atau geran modal, ia tidak menanggung sebarang kos pinjaman, dan tiada sebarang kos akan dipermodalkan.
27. Apabila entiti mengawal memindahkan dana kepada entiti dikawal pada kos separa, entiti dikawal itu boleh mempermodalkan bahagian kos pinjaman itu yang ditanggungnya sendiri. Dalam penyata kewangan entiti ekonomi, amaun penuh kos pinjaman boleh dipermodalkan kepada aset layak, dengan syarat pelarasan penyatuan yang sewajarnya telah dibuat untuk menyingkirkan kos yang dipermodalkan oleh entiti dikawal.
28. Apabila entiti mengawal memindahkan dana kepada entiti dikawal tanpa kos, kedua-dua entiti sama ada entiti mengawal mahupun entiti dikawal tidak memenuhi kriteria untuk mempermodalkan kos pinjaman. Namun, jika entiti ekonomi memenuhi kriteria untuk mempermodalkan kos pinjaman, ia boleh mempermodalkan kos pinjaman itu kepada aset layak dalam penyata kewangannya.
29. Dalam sesetengah keadaan, adalah bersesuaian untuk memasukkan semua pinjaman entiti mengawal dan entiti dikawalnya apabila mengira purata wajaran kos pinjaman; dalam keadaan lain, adalah bersesuaian bagi setiap entiti dikawal untuk menggunakan purata wajaran kos pinjaman yang berkenaan ke atas pinjamannya sendiri.

#### **Lebih Amaun Bawaan bagi Aset Layak mengatasi Amaun Boleh Pulih**

30. Apabila amaun bawaan atau kos muktamad dijangka bagi aset layak melebihi amaun boleh pulih atau nilai realisasi bersih, amaun bawaan diturun nilai atau dihapus kira menurut keperluan MPSAS 21, *Penjelasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai* atau MPSAS 26, *Penjelasan Nilai Aset Menjana Tunai*, mengikut kesesuaian. Dalam keadaan tertentu, amaun turun nilai atau hapus kira dimasukkan semula menurut piawaian lain tersebut.

#### **Permulaan Permodalan**

31. **Permodalan kos pinjaman sebagai sebahagian daripada kos aset layak hendaklah bermula apabila:**
  - (a) **Perbelanjaan bagi aset tersebut ditanggung;**
  - (b) **Kos pinjaman ditanggung; dan**
  - (c) **Aktiviti yang perlu bagi menyediakan aset tersebut untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan, masih dalam kemajuan.**
32. Perbelanjaan ke atas aset layak hanya termasuk perbelanjaan yang menyebabkan bayaran tunai, pemindahan aset lain, atau andaian liabiliti berfaedah. Purata amaun bawaan bagi aset dalam

sesuatu tempoh, termasuk kos pinjaman yang dipermodalkan dahulu, pada kebiasaannya adalah anggaran munasabah bagi perbelanjaan yang padanya kadar permodalan dikenakan dalam tempoh berkenaan.

33. Aktiviti yang perlu bagi menyediakan aset untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan merangkumi lebih daripada pembinaan fizikal aset itu. Ia termasuk kerja teknikal dan pentadbiran sebelum bermulanya pembinaan fizikal, seperti aktiviti untuk mendapatkan permit. Namun, aktiviti tersebut tidak termasuk pemegangan aset apabila tiada pengeluaran atau pembangunan yang mengubah keadaan aset itu berlaku. Contohnya, kos pinjaman yang ditanggung semasa tanah sedang dimajukan, dipermodalkan dalam tempoh berlakunya aktiviti yang dikaitkan dengan pembangunan. Walau bagaimanapun, kos pinjaman yang ditanggung semasa tanah diperoleh untuk tujuan pembinaan itu dipegang tanpa sebarang aktiviti pembangunan berkaitan tidak layak untuk dipermodalkan.

### **Penangguhan Permodalan**

34. **Permodalan kos pinjaman hendaklah ditangguhkan dalam tempoh lanjutan apabila pembangunan aktif terganggu, dan dibelanjakan.**
35. Kos pinjaman mungkin ditanggung semasa tempoh lanjutan apabila aktiviti yang perlu bagi menyediakan aset untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan terganggu. Kos berkenaan ialah kos memegang aset separa siap, dan tidak layak untuk dipermodalkan. Walau bagaimanapun, permodalan kos pinjaman biasanya tidak ditangguhkan dalam tempoh apabila kerja teknikal dan pentadbiran penting sedang dilakukan. Permodalan kos pinjaman juga tidak ditangguhkan apabila penangguhan sementara merupakan sebahagian daripada proses yang perlu bagi menyediakan aset untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan. Contohnya, permodalan diteruskan dalam tempoh lanjutan yang perlu untuk inventori menjadi matang atau tempoh lanjutan apabila paras air tinggi melambatkan pembinaan jambatan, jika paras air tinggi tersebut sering berlaku sepanjang tempoh pembinaan dalam wilayah geografi yang terlibat.

### **Penamatan Permodalan**

36. **Permodalan kos pinjaman hendaklah dihentikan apabila sebahagian besar daripada keseluruhan aktiviti yang perlu bagi menyediakan aset layak untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan telah selesai.**
37. Aset biasanya sedia untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan apabila pembinaan fizikal aset itu telah selesai, walaupun kerja pentadbiran rutin mungkin masih berterusan. Jika hanya pengubahsuaian kecil, seperti kerja-kerja menghias hartanah itu mengikut spesifikasi pembeli atau pengguna yang masih belum siap, maka ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada keseluruhan aktiviti telah selesai.
38. **Apabila pembinaan aset layak disiapkan mengikut bahagian, dan setiap bahagian boleh digunakan semasa pembinaan masih diteruskan di bahagian lain, permodalan kos pinjaman hendaklah dihentikan apabila sebahagian besar daripada keseluruhan aktiviti yang perlu untuk menyediakan bahagian itu untuk kegunaan yang dikehendaki atau untuk jualan telah selesai.**
39. Pembangunan pejabat yang terdiri daripada beberapa bangunan, dengan setiap bangunan boleh

digunakan secara berasingan, merupakan contoh aset layak apabila setiap bahagian boleh digunakan semasa pembinaan masih diteruskan di bahagian lain. Contoh aset layak yang perlu disediakan sebelum mana-mana bahagian lain boleh digunakan termasuk:

- (a) bilik bedah di dalam hospital yang memerlukan semua pembinaan disediakan sebelum bilik itu boleh digunakan,
- (b) loji rawatan kumbahan di mana beberapa proses dijalankan mengikut urutan di bahagian berlainan loji itu, dan
- (c) jambatan yang membentuk sebahagian daripada lebuhraya.

## **Pendedahan**

40. **Penyata kewangan hendaklah mendedahkan:**

- (a) **Dasar perakaunan yang diterima pakai untuk kos pinjaman;**
- (b) **Amaun kos pinjaman yang dipermodalkan dalam tempoh itu; dan**
- (c) **Kadar permodalan yang digunakan untuk menentukan amaun kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan (apabila secara amnya, kadar permodalan perlu dikenakan ke atas dana yang dipinjam).**

## **Peruntukan Peralihan**

41. **Apabila menerima pakai Piawaian ini menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan, entiti digalakkan untuk menyelaraskan penyata kewangannya menurut MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*. Sebagai pilihan, entiti yang menggunakan pengolahan alternatif dibenarkan hendaklah mempermodalkan kos pinjaman yang hanya ditanggung selepas tarikh kuat kuasa Piawaian ini dan memenuhi kriteria untuk dipermodalkan.**

## **Tarikh Kuat Kuasa**

42. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**

42A. *Dimansuhkan*

43. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

**Perbandingan dengan IPSAS 5**

MPSAS 5, *Kos Pinjaman* digubal berasaskan IPSAS 5. Perbezaan utama antara MPSAS 5 dengan IPSAS 5 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 3, MPSAS 5 menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 5 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.